

Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Faktor Sikap, Motivasi dan Persekitaran Guru Pelatih Bahasa Kedua dalam Tatabahasa Bahasa Melayu

Levels of Mastery and the Relationship between Attitude, Motivation and Environment of the Second Language Teachers Trainees in Malay Grammar

Voo Mui Ting, Norfaizah Abdul Jobar* & Zuraini Ramli

Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tg. Malim Perak, Malaysia

Rozaimi Ramli

Kolej Vokasional Slim River Perak, Malaysia

Submitted: 10/9/2022. Revised edition: 27/4/2023. Accepted: 17/5/2023. Published online: 7/6/2023

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu; menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu; dan mengenal pasti hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih dalam menguasai tatabahasa bahasa Melayu. Seramai 80 orang guru pelatih bahasa kedua Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dipilih sebagai responden kajian. Instrumen kajian adalah menggunakan borang soal selidik dan ujian tatabahasa dalam bentuk *Google Forms*. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan melalui soal selidik untuk mengumpulkan data. Data bagi soal selidik ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Hasil kajian bagi objektif pertama mendapati bahawa tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru pelatih berada pada tahap yang sangat baik. Seterusnya, dapatan bagi objektif kedua menjelaskan bahawa sikap merupakan faktor utama yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu guru pelatih. Bukan itu sahaja, objektif ketiga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua. Kesimpulannya, walaupun bahasa ibunda responden bukanlah bahasa Melayu namun responden dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pelaksanaan kajian ini dapat memberi implikasi kepada guru, pelajar dan masyarakat bagi menambah baik penguasaan terhadap tatabahasa bahasa Melayu.

Keywords: Penguasaan tatabahasa, sikap, motivasi, persekitaran, guru pelatih bahasa kedua

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the proficiency of second language trainee teachers in their grammatical aspect of Malay language; to describe the factors that influence Malay language proficiency for second language trainee teachers; and to identify the relationship between the attitude, motivation and environmental factors among second language trainee teachers. The respondent for this study involved 80 second language trainee teachers in UPSI with purposive sampling method. Questionnaire and grammar test in Google Form are the instrument of this study. The data were analyzed by using descriptive and inference analysis. The study of first objective show that the level of proficiency Malay grammar among second language trainee teachers was found to be at a very good level. Second objective of this study show that the attitude factors are the main factors that influence Malay language proficiency among second language trainee teachers. Not only that, there is a significant relationship between the attitude, motivation and environmental factors among second language trainee teachers. In conclusion, although the respondent's mother tongue is not Malay but they can master the Malay language well. The implementation of this study can benefit teachers, students and the community to improve their proficiency in Malay grammatical.

Keywords: Proficiency of grammar, attitude, motivation, environment, second language trainee teacher

*Correspondence to: Norfaizah Abdul Jobar (email: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my)

PENGENALAN

Penguasaan terhadap bahasa Melayu amatlah penting apatah lagi sebagai rakyat Malaysia meskipun penguasaannya menjadi bahasa kedua atau bahasa ketiga bagi sesetengah masyarakat yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan bahasa yang sama akan memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi sekali gus menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia. Perkara ini turut ditegaskan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2015), yang menyatakan bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara sudah terjamin dan menghadapi masa depan yang cerah dari segi peruntukannya dalam perlembagaan serta penggunaan yang luas. Dengan demikian, jelaslah bahawa pentingnya penguasaan bahasa Melayu terutamanya melibatkan guru pelatih bahasa kedua.

Dunia pendidikan pada hari ini semakin berkembang pesat seiring dengan peredaran masa. Setiap insan yang bergelar guru haruslah melengkapkan diri dengan ilmu tatabahasa termasuklah guru pelatih bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana peranan tenaga pengajar dapat menjadi motivasi kepada murid dan memberi kesan terhadap penguasaan murid dalam bidang bahasa khususnya Bahasa Melayu. Tambahan pula, keterampilan berbahasa dalam kalangan murid dapat ditingkatkan sekiranya guru merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari, 2020).

Tatabahasa merupakan salah satu aspek kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap individu bagi memastikan bahasa yang dipelajari adalah cekap dan berkesan (Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2020). Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2018), kesalahan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa amatlah penting kerana ia dapat digunakan untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam penguasaan bahasa yang dipelajari.

Penguasaan yang lemah dalam tatabahasa bukan sahaja berlaku dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu malah melibatkan bukan penutur jati bahasa Melayu (Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin, 2020). Oleh itu, satu kajian haruslah dijalankan bagi mendapatkan data tentang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan tatabahasa yang baik dapat membantu murid untuk menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti (Chew Fong Peng, 2016). Dengan ini, guru pelatih dapat membuat persediaan awal terutamanya dalam aspek penguasaan tatabahasa sebelum mengajar di sekolah kerana penguasaan yang lemah akan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan demikian, kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan guru pelatih bahasa kedua dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu.
2. Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua
3. Mengenal pasti hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, hipotesis kajian ini adalah:

- H₁¹: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan motivasi guru pelatih bahasa kedua.
- H₁²: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua.
- H₁³: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua.

SOROTAN LITERATUR

Pengkaji terdahulu lebih tertarik untuk melakukan kajian terhadap murid memandangkan murid lebih cenderung untuk melakukan kesilapan tatabahasa berbanding dengan guru pelatih. Maka, tidak hairanlah jika sebahagian besar kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sebelum ini melibatkan murid bahasa kedua. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jamayah Bujang dan Fariza Khalid (2019) dalam kajiannya yang bertajuk Penguasaan Morfologi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid Melayu Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan morfologi murid dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam pembelajaran bahasa Melayu dan meneliti punca-punca yang mempengaruhi kelemahan penguasaan morfologi dalam kalangan murid. Sampel bagi kajian ini melibatkan 100 orang murid bangsa Melayu Sarawak yang bukan penutur jati bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar Sarawak. Reka bentuk kajian melibatkan kajian kuantitatif dan analisis dokumen. Kertas ujian penilaian Bahasa Melayu, borang soal selidik dan temu bual merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan hasil kajian, responden masih memerlukan bimbingan daripada guru bahasa Melayu kerana penguasaan yang lemah dalam bidang morfologi. Pencapaian murid dalam kata sendi nama didapati pada tahap yang rendah manakala penguasaan kata ganti nama, kata pemeris, dan kata majmuk pula berada pada tahap yang sederhana. Penguasaan kata adjektif pula berada pada tahap yang tinggi. Penguasaan morfologi bahasa Melayu yang lemah berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda yang sukar untuk dielakkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meningkatkan lagi penguasaan murid dalam bahasa Melayu sekali gus memberi input kepada penyelidikan yang selanjutnya terutamanya dalam dunia pendidikan.

Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan bahasa dari aspek morfologi dalam penulisan murid-murid Cina tahun 5. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Bahan kajian iaitu skrip jawapan bagi kertas penulisan dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesalahan morfologi yang dilakukan oleh murid-murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melibatkan kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan “di-”, imbuhan awalan “meN-” dan alomorfnya, serta kesalahan dalam pemilihan istilah dalam penulisan murid-murid Cina. Kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana kedua-duanya melibatkan individu bahasa kedua namun terdapat perbezaan iaitu kajian tersebut melibatkan sampel murid bahasa

kedua manakala kajian ini pula melibatkan guru pelatih bahasa kedua. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu guru pelatih bahasa kedua.

Di samping itu, kajian Ahmed Hafizainol Ahmed Adris dan Karim Harun (2020) yang bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand dilakukan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Pondok Bantan, Thailand sebagai bahasa kedua. Sampel kajian melibatkan 10 orang pelajar bahasa kedua tingkatan enam di Sekolah Pondok Bantan, Thailand. Pendekatan analisis kesalahan bahasa oleh Corder (1981) digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan data berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar melalui kaedah ujian karangan. Kaedah temu bual dan pemerhatian juga dilakukan bagi memperoleh data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar masih berada pada tahap yang lemah kerana responden melakukan banyak kesalahan morfologi, sintaksis dan kesalahan ortografi. Kesalahan bahasa yang dimaksudkan melibatkan kesalahan penggunaan kata sendi nama, imbuhan, kesalahan penggunaan ayat majmuk dan penggunaan aspek ayat dalam karangan.

Selain murid, terdapat juga kajian yang dijalankan terhadap guru tentang penguasaan tatabahasa dalam bahasa Melayu namun kajian tersebut tidaklah banyak seperti yang dijalankan ke atas murid. Kajian yang bertajuk Penguasaan dan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pembelajaran Tatabahasa Punarcci yang dilakukan oleh Manonmani Devi, Ani Omar dan S. Veeralakshmi (2017) merupakan antara kajian yang membincangkan tentang penguasaan bahasa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penguasaan guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci* dan mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci*. Seramai 40 orang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru (IPG) dipilih secara persampelan rawak. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan melalui soal selidik untuk mengumpulkan data. Berdasarkan hasil kajian ini, guru pelatih IPG didapati mempunyai tahap penguasaan tatabahasa punarcci dan bahasa Tamil yang rendah. Guru pelatih tidak berminat untuk mempelajari tatabahasa punarcci kerana mengalami kesukaran untuk memahami dan menguasai kemahiran tersebut. Tuntasnya, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan bagi membantu tenaga pengajar untuk mengenal pasti kesukaran yang dilalui oleh pelajar khususnya guru pelatih dalam penguasaan bahasa.

Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan sebelum ini tertumpu kepada murid-murid di sekolah sahaja terutamanya murid bahasa kedua. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih atau bakal guru sangat jarang dikaji apatah lagi tentang tahap penguasaan bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua. Oleh itu, pengkaji melakukan kajian tentang penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini bukan setakat dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana penguasaan guru pelatih dalam bahasa Melayu khususnya sebagai bahasa kedua malah faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan guru pelatih dalam bahasa tersebut. Pelaksanaan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada guru pelatih untuk meningkatkan lagi penguasaan dalam bahasa Melayu sebelum berkhidmat sebagai guru di sekolah kelak. Apabila guru dapat memperbaiki dan melengkapkan diri dengan ilmu bahasa Melayu maka lahirlah guru yang bermutu dan pakar dalam bahasa Melayu.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan serta melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dapat menterjemahkan data mentah kepada data yang lebih mudah untuk diterangkan. Analisis inferensi bagi kajian ini pula merujuk kepada analisis korelasi Pearson. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang merupakan sebahagian daripada kajian kuantitatif dan banyak digunakan dalam kajian pendidikan. Berdasarkan kaedah tinjauan ini, data dikumpul melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan ujian tatabahasa untuk mengetahui tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru pelatih bahasa kedua.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan universiti ini bertempat di Tanjong Malim, Perak. Hal ini demikian kerana sampel bagi kajian ini merupakan guru pelatih yang menuntut di institusi pengajian tinggi tersebut. Tambahan pula, UPSI merupakan universiti pendidikan yang pertama di Malaysia. Pengkaji hanya memilih satu lokasi kerana kajian yang dilakukan bukan untuk membandingkan tahap penguasaan guru pelatih bahasa kedua bagi universiti lain yang menawarkan program perguruan.

Responden Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 80 orang guru pelatih bahasa kedua di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mengambil pendidikan bahasa Melayu sebagai bidang major. Sampel kajian ini dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan iaitu melibatkan guru pelatih yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan bukannya sebagai bahasa ibunda.

Instrumen Kajian

Alat pengukuran bagi sesuatu kajian akademik yang digunakan untuk memperoleh data berkenaan dengan objektif kajian merujuk kepada instrumen kajian. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, pengkaji menggunakan dua instrumen kajian iaitu soal selidik serta ujian tatabahasa dan kedua-dua instrumen ini melibatkan penggunaan *Google Forms*. Hal ini bermakna pengumpulan data dilakukan secara dalam talian. Soal selidik bagi Bahagian A merupakan demografi responden iaitu tentang jantina, kaum dan tahun pengajian manakala Bahagian B pula mengandungi 15 item soalan yang dikategorikan kepada faktor sikap, motivasi, dan persekitaran. Soal selidik ini merupakan soalan berskala Likert 5 mata. Selain soal selidik, ujian tatabahasa juga digunakan bagi mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua. Ujian tatabahasa ini terdiri daripada 15 soalan struktur yang memerlukan responden untuk menandakan jawapan sama ada betul atau salah. Sekiranya menanda pilihan salah, responden dikehendaki untuk menyatakan jawapan sebenar manakala bagi pilihan betul, responden tidak perlu memberi jawapan.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Soal selidik bagi kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Khairul Nizam dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) yang mempunyai nilai alfa *Cronbach* 0.876. Menurut Uma Sekaran dan Roger Bougie (2016), kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 dianggap lemah manakala nilai alfa *Cronbach* antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima dan nilai yang melebihi 0.80 dianggap sangat baik. Seterusnya, ujian tatabahasa juga diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Nor Ain Nor Azman & Nur Farakhanna Mohd Rusli (2020) serta kajian yang dilakukan oleh Siti Khodijah Che Mee (2020). Pengkaji merujuk laman Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) bagi menyemak soalan tatabahasa yang berkaitan dengan aspek ejaan bahasa Melayu. Kemudian, skema jawapan bagi ujian ini disemak oleh penyelia kertas projek bagi meningkatkan lagi kebolehpercayaan instrumen kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan pautan *Google Forms* kepada sampel kajian melalui media sosial seperti *WhatsApp* dan *Telegram*. Pengkaji memberi maklumat awal tentang tujuan pengedaran *Google Forms* agar guru pelatih bahasa kedua yang mengambil bahasa Melayu sebagai bidang major sahaja yang mengisi borang tersebut. Berdasarkan soal selidik ini, guru pelatih haruslah menjawab semua soalan pada Bahagian A (Demografi responden) dan Bahagian B (faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua). Responden dikehendaki untuk menjawab soal selidik terlebih dahulu sebelum menjawab ujian tatabahasa pada bahagian yang seterusnya. Hal ini bermakna responden yang menjawab soal selidik dan ujian tatabahasa tersebut merupakan responden yang sama.

Kaedah Penganalisan Data

Penganalisan data bagi objektif pertama dilakukan dengan menggunakan “*Statistical Package For Social Science*” SPSS versi 26. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini bagi menghuraikan demografi guru pelatih bahasa kedua dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan dalam tatabahasa bahasa Melayu. Skor min daripada soal selidik ini adalah mengikut skala min daripada Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari (2019); Mohd Majid Konting (2005) seperti Jadual 1.

Jadual 1 Skor Min Mohd Majid Konting (2005)

| Skor Min | Interpretasi |
|-----------|--------------|
| 1.00-2.66 | Rendah |
| 2.67-3.66 | Sederhana |
| 3.67-5.00 | Tinggi |

Bagi objektif kedua, hasil jawapan responden yang terdapat dalam ujian tatabahasa disemak berdasarkan skema jawapan. Jawapan yang betul akan dikira sebagai 1 markah manakala jawapan yang

salah dikira sebagai 0 markah. Setelah mengira markah ujian tatabahasa tersebut, penguasaan guru pelatih terhadap tatabahasa bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada empat tahap penguasaan iaitu cemerlang, baik, sederhana dan lemah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Hal ini dilakukan bagi memudahkan lagi proses tafsiran data bagi bagi objektif kedua ini. Tahap pencapaian dan penguasaan tatabahasa guru pelatih bahasa kedua ini diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Hazrul Affendi Mohmad Razali *et al.* (2016).

Jadual 2 Tahap Pencapaian dan Penguasaan Tatabahasa Guru Pelatih Bahasa Kedua

| Skor | Pencapaian | Tahap Penguasaan |
|--------|------------|------------------|
| 75-100 | Cemerlang | Cemerlang |
| 60-74 | Kepujian | Baik |
| 50-59 | Baik | |
| 35-49 | Sederhana | Sederhana |
| 0-34 | Lemah | Lemah |

Analisis data bagi objektif ketiga ini merujuk kepada analisis inferensi yang melibatkan analisis korelasi. Hal ini bermakna hubungan signifikan antara kedua-dua pembolehubah dalam kajian ini dapat dilihat melalui korelasi Pearson. Berdasarkan korelasi ini, pengkaji dapat melihat hubungan signifikan bagi faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai bahasa Melayu. Kekuatan korelasi bagi kajian ini pula berdasarkan interpretasi kekuatan korelasi Davies (1971) dalam M. Kaviza (2019) seperti yang didapati dalam Jadual 3.

Jadual 3 Kekuatan Korelasi Davies (1971)

| Skor Min | Tahap |
|-------------|------------------|
| 0.70 - 1.00 | Amat Tinggi |
| 0.50 - 0.69 | Tinggi |
| 0.30 - 0.49 | Sederhana Tinggi |
| 0.10 - 0.29 | Rendah |
| 0.00 - 0.09 | Diabaikan |

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 4, kajian ini melibatkan 80 orang responden yang terdiri daripada 24 orang guru pelatih lelaki dan 56 orang guru pelatih perempuan. Bilangan guru pelatih perempuan yang menjawab soal selidik ini didapati lebih tinggi daripada guru pelatih lelaki kerana majoriti guru pelatih terdiri daripada perempuan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menitikberatkan hubungan antara perbezaan jantina dengan tahap penguasaan bahasa Melayu guru pelatih.

Jadual 4 Analisis Jantina Responden

| Jantina | Kekerapan (Orang) |
|----------------|--------------------------|
| Lelaki | 24 |
| Perempuan | 56 |
| Jumlah | 80 |

Jadual 5 menunjukkan sampel kajian yang melibatkan guru pelatih tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat. Guru pelatih bahasa kedua bagi tahun keempat pengajian mencatatkan jumlah responden yang paling tinggi, iaitu seramai 42 orang dan guru pelatih tahun ketiga pengajian pula melibatkan 32 orang. Namun begitu, guru pelatih yang berada pada tahun pertama dan tahun kedua pengajian mencatatkan nilai kekerapan yang rendah. Hanya dua orang guru pelatih tahun pertama yang terlibat sebagai responden manakala 4 orang lagi merupakan guru pelatih tahun kedua.

Jadual 5 Analisis Tahun Pengajian

| Tahun Pengajian | Kekerapan (Orang) |
|---------------------------|--------------------------|
| Tahun 1 | 2 |
| Tahun 2 | 4 |
| Tahun 3 | 32 |
| Tahun 4 | 42 |
| Jumlah Keseluruhan | 80 |

Objektif 1: Tahap Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua dalam Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu

Jadual 6 menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua berada pada tahap yang baik. Hal ini dapat dibuktikan apabila seramai 52 orang guru pelatih bahasa kedua atau 65% mendapat skor antara 50 hingga 74 markah. Seterusnya, terdapat 22 orang guru pelatih bahasa kedua (27.5%) yang mencapai tahap penguasaan cemerlang dengan skor antara 75 hingga 100. Tahap penguasaan yang sederhana pula melibatkan 6 orang responden sahaja (7.5%). Walau bagaimanapun, tiada guru pelatih kedua yang mencapai tahap penguasaan lemah bagi ujian tatabahasa ini. Tuntasnya, majoriti guru pelatih bahasa kedua didapati dapat menjawab semua soalan yang diberikan dengan baik bahkan terdapat beberapa orang responden yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul yang melibatkan 15 soalan. Walaupun bahasa ibunda guru pelatih bukanlah bahasa Melayu namun responden dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Jadual 6 Analisis Tahap Penguasaan Guru Pelatih dalam Ujian Tatabahasa Bahasa Melayu

| Skor | Tahap Penguasaan | Kekerapan | Peratus |
|----------------|------------------|-----------|------------|
| 75 - 100 | Cemerlang | 22 | 27.5% |
| 50 - 74 | Baik | 52 | 65% |
| 35 - 49 | Sederhana | 6 | 7.5% |
| 0 - 0.34 | Lemah | - | - |
| Jumlah | | 80 | 100 |

Berdasarkan Jadual 7, Item C9 merupakan ayat yang tidak mengalami kesalahan tatabahasa dari aspek ejaan. Majoriti responden iaitu 70 orang atau 87.5 peratus dapat menjawab soalan tersebut dengan betul manakala hanya 10 orang yang menjawab dengan salah. Hal ini menunjukkan bahawa masih ada pengguna bahasa yang keliru dengan penggunaan perkataan “resepi” sehingga mengeja perkataan ini mengikut bunyi yang dihasilkan walhal ejaan sebenarnya ialah “resipi”. Kesalahan ejaan yang banyak dilakukan oleh responden pula dapat dilihat dalam Item C13 yang melibatkan perkataan “sekaligus”. Perkataan ini menimbulkan kekeliruan sehingga menyebabkan 44 orang responden menjawab soalan tersebut dengan salah iaitu hanya 36 orang atau 45 peratus responden yang menjawab dengan betul. Kata “sekali” membawa maksud satu kali manakala “gus” bermaksud pada waktu yang sama. Perkataan ini mestilah dieja secara berasingan iaitu “sekali gus” kerana kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang berbeza.

Jadual 7 Analisis Kesalahan Tatabahasa (Ejaan)

| Item | Ayat | Jawapan Betul | Bilangan Responden | |
|------|--|------------------------------------|----------------------|---------------|
| | | | Kekerapan (Orang) | Peratusan (%) |
| C2 | Ketua kampung mengwar-warkan perkara itu kepada penduduk kampung. | mengwar-warkan - menguar-uarkan | 50/80 | 62.5 |
| C4 | Dia sanggup mengorbankan masa rehatnya untuk menyiapkan kerja itu meski pun terpaksa berlapar. | meski pun - meskipun | 54/80 | 67.5 |
| C7 | Kamu boleh datang ke klinik pada hari ini ataupun esok. | ataupun - ataupun | 66/80 | 82.5 |
| C9 | Resipi itu ditulis oleh ibu. | resipi | 70/80 | 87.5 |
| C13 | Bahasa memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi sekaligus dapat menyatukan masyarakat yang berbilang bangsa di sesebuah negara. | sekaligus - sekali gus | 36/80 | 45 |

Kesalahan aspek frasa juga merupakan kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh guru pelatih bahasa kedua selain kesalahan ejaan. Berdasarkan Jadual 8, didapati bahawa majoriti guru pelatih bahasa kedua dapat menjawab Item C1 dengan betul. Item tersebut tidak mempunyai kesalahan tatabahasa dari aspek frasa. Frasa “daripada Jurnal Pendidikan Malaysia” merupakan frasa yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih bahasa kedua dapat menguasai frasa sendi nama dengan baik. Kesalahan frasa yang paling banyak dilakukan dapat dilihat dalam Item C8 yang melibatkan frasa “pusat membeli-belah”. Buktinya, hanya 26 orang guru pelatih yang bersetuju bahawa ayat tersebut mempunyai kesalahan tatabahasa dari aspek frasa nama manakala selebihnya menganggap ayat tersebut adalah betul. Ayat bagi Item C8 mengandungi kesalahan tatabahasa kerana penggunaan frasa yang salah. Frasa “membeli belah” merujuk kepada perbuatan membeli pelbagai jenis barang. Hal ini bermakna frasa “pusat membeli-belah” merujuk kepada pusat yang melakukan perbuatan membeli barang. Tambahan pula, imbuhan tidak diperlukan dalam pembentukan kata nama.

Jadual 8 Analisis Kesalahan Tatabahasa (Frasa)


| Item | Ayat | Jawapan Betul | Bilangan Responden | |
|------|--|---|--------------------|---------------|
| | | | Kekerapan (Orang) | Peratusan (%) |
| C1 | Maklumat itu diperoleh <u>daripada</u> Jurnal Pendidikan Malaysia | daripada | 64/80 | 80 |
| C6 | Kereta mewah itu diimport <u>daripada</u> Amerika Syarikat. | daripada – dari | 62/80 | 77.5 |
| C8 | Siti terjumpa rakan sekolahnya di <u>pusat membeli-belah</u> | pusat membeli-belah - pusat beli-belah | 26/80 | 32.5 |
| C10 | <u>Kebanyakan</u> barang-barang yang dijual di kedai itu sangat mahal. | Kebanyakan barang-barang -keanyakan barang | 48/80 | 60 |
| C15 | Mesyuarat itu dijalankan <u>secara atas talian</u> . | secara atas talian - secara dalam talian | 36/80 | 45 |

Kesalahan tatabahasa dalam aspek ayat juga dilakukan oleh guru pelatih. Berdasarkan Jadual 9, hampir semua responden (78 orang atau 97.5 peratus) menjawab Item C3 dengan betul. Item C3 merupakan ayat majmuk yang mengandungi kesalahan tatabahasa dalam aspek ayat. Kesalahan tersebut melibatkan penggunaan kata hubung yang tidak tepat iaitu kata hubung “dengan”. Bagi menghasilkan ayat yang gramatis, perkataan “walaupun” merupakan kata hubung yang sesuai untuk menghubungkan ayat tersebut. Seterusnya, kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden melibatkan Item C14. Hanya 38 orang guru pelatih yang menjawab item tersebut dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih masih keliru menggunakan kata ganti nama diri yang pertama iaitu “saya”. Berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood, 2015), kata ganti nama diri orang pertama dan kedua tidak boleh menerima kata kerja dengan imbuhan pasif “di-”. Namun begitu, kata ganti nama diri orang pertama dan kedua yang hadir di hadapan kata kerja dasar itu boleh berbentuk kata penuh ataupun kata ringkas. Oleh itu, ayat bagi Item C14 adalah salah dan jawapan yang betul bagi ayat ini ialah “Nasi ini saya masak”.

Jadual 9 Analisis Kesalahan Tatabahasa (Ayat)

| Item | Ayat | Jawapan Betul | Bilangan Responden | |
|------|---|-----------------------------------|----------------------|---------------|
| | | | Kekerapan (Orang) | Peratusan (%) |
| C3 | Dia tetap datang ke sekolah <u>dengan</u> hujan lebat. | dengan – walaupun | 78/80 | 97.5 |
| C5 | Walaupun dia miskin <u>tetapi</u> dia bahagia dengan kehidupannya. | tetapi | 66/80 | 82.5 |
| C11 | Adakah ayat berikut menunjukkan penggunaan ayat pasif? (Ya/ Tidak) <i>Surat khabar itu dibaca oleh ayah</i> | Ya | 78/80 | 97.5 |
| C12 | Kakak mengetahui <u>yang</u> ibu telah bersara. | yang – bahawa | 50/80 | 62.5 |
| C14 | Nasi ini <u>dimasak oleh saya</u> . | dimasak oleh saya - saya masak | 38/80 | 47.5 |

Berdasarkan Rajah 1, 44% guru pelatih bahasa kedua didapati melakukan kesalahan tatabahasa dalam aspek frasa diikuti dengan aspek ejaan 33%. Kesalahan tatabahasa yang tidak banyak dilakukan guru pelatih ialah kesalahan aspek ayat iaitu 23% guru pelatih sahaja yang melakukan kesalahan tersebut. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua berada pada tahap yang baik kerana kesalahan tatabahasa yang dilakukan melibatkan aspek tertentu sahaja. Kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh guru pelatih bahasa kedua hanyalah tertumpu kepada kesalahan dari aspek frasa manakala aspek ejaan dan ayat pula masih berada pada tahap penguasaan yang baik. Kebanyakan guru pelatih mempunyai tahap penguasaan yang lemah dalam aspek frasa. Kesalahan ini dapat dikaitkan dengan kecuaiannya responden yang tidak menganalisis kesalahan tersebut dengan betul. Corder (1981) dalam Teori Analisis Kesalahan menyatakan bahawa faktor kekeliruan, kesilapan dan kesalahan telah membawa kepada berlakunya kesalahan bahasa ini. Tambahan pula, kesalahan bahasa sememangnya tidak dapat dielakkan sekiranya terdapat banyak peraturan khusus yang ditetapkan dalam bahasa yang digunakan penutur.

**Rajah 1** Tahap Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua dalam Aspek Tatabahasa

Objektif 2: Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua

Analisis data menunjukkan bahawa faktor sikap merupakan faktor utama yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua dengan purata skor min yang lebih tinggi (4.742) jika dibandingkan dengan konstruk faktor motivasi dan persekitaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10 berikut. Berdasarkan hasil kajian bagi faktor sikap, Item B2 menunjukkan bahawa seramai 70 orang responden (87.5%) yang sangat setuju manakala 8 orang responden (10%) setuju bahawa faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua adalah guru pelatih yang memang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Hanya dua responden (2.5%) yang memilih tidak pasti bagi item ini. Tiada responden yang memilih skala sangat tidak setuju dan tidak setuju bagi item tersebut. Skor min bagi Item B2 adalah tinggi, iaitu 4.85 dengan sisihan piawai 0.424. Hal ini bermakna guru pelatih bahasa kedua mempunyai sikap yang positif terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Selain faktor sikap, faktor motivasi juga menunjukkan nilai skor min yang tinggi dengan purata skor min yang bernilai 4.688. Hal ini bermakna guru pelatih bahasa kedua mempunyai motivasi yang tinggi terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Buktinya, Item B6 menunjukkan bahawa seramai 64 orang responden (80%) yang sangat setuju dan 16 orang responden (20%) setuju bahawa faktor motivasi iaitu guru pelatih sangat seronok mempelajari bahasa Melayu merupakan faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua. Tiada responden yang memilih skala tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Skor min bagi Item B6 adalah tinggi, iaitu 4.80 dengan sisihan piawai 0.403. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa guru pelatih seronok mempelajari subjek bahasa Melayu sebagai bahasa kedua walaupun responden bukanlah penutur jati bahasa tersebut.

Faktor persekitaran pula mempunyai purata skor min yang rendah (4.51) berbanding dengan konstruk faktor sikap dan motivasi. Skor min tertinggi bagi faktor persekitaran melibatkan Item B13. Seramai 66 orang responden (82.5%) yang sangat setuju manakala 10 orang responden (12.5%) setuju bahawa faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua ialah guru pelatih ingin mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hanya 4 responden (5%) yang memilih tidak pasti bagi item ini. Tiada responden yang memilih skala sangat tidak setuju dan tidak setuju bagi item tersebut. Walaupun faktor persekitaran mempunyai purata skor min yang rendah berbanding faktor yang lain namun faktor persekitaran masih berada dalam skala skor min yang tinggi (3.67-5.00).

Jadual 10 Analisis Faktor Sikap, Motivasi dan Persekitaran Penguasaan Bahasa Melayu Guru Pelatih Bahasa Kedua

| Faktor Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua | | Bilangan dan Peratusan | | | | | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Skor |
|---|--|------------------------|----|-----------|-------------|-------------|------|----------------|-------------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | | | |
| Faktor Sikap | | | | | | | | | |
| B1 | Saya suka dengan subjek bahasa Melayu. | - | - | 2 2.5% | 10 12.5% | 68 85% | 4.83 | 0.444 | Tinggi |
| B2 | Saya memang berminat untuk | - | - | 2 2.5% | 8 10% | 70 87.5% | 4.85 | 0.424 | Tinggi |

| Faktor Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua | | Bilangan dan Peratusan | | | | | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Skor |
|---|--|------------------------|----|-----------|-------------|-------------|-------|----------------|-------------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | | | |
| Faktor Sikap | | | | | | | | | |
| | mempelajari bahasa Melayu. | | | | | | | | |
| B3 | Saya yakin menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi. | - | - | 6 7.5% | 10 12.5% | 64 80% | 4.75 | 0.585 | Tinggi |
| B4 | Saya memang fasih berbahasa Melayu. | - | - | 4 5% | 22 27.5% | 54 67.5% | 4.65 | 0.576 | Tinggi |
| B5 | Saya suka membaca bahan bacaan yang berbahasa Melayu. | - | - | 4 5% | 18 22.5% | 58 72.5% | 4.63 | 0.624 | Tinggi |
| Purata | | | | | | | 4.742 | 0.531 | Tinggi |

| Faktor Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua | | Bilangan dan Peratusan | | | | | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Skor |
|---|---|------------------------|----|-----------|-------------|-------------|-------|----------------|-------------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | | | |
| Faktor Motivasi | | | | | | | | | |
| B6 | Saya sangat seronok mempelajari bahasa Melayu. | - | - | - | 16 20% | 64 80% | 4.80 | 0.403 | Tinggi |
| B7 | Saya mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan bahasa Melayu. | - | - | 2 2.5% | 26 32.5% | 52 65% | 4.63 | 0.537 | Tinggi |
| B8 | Saya sentiasa membuat rujukan bagi memantapkan lagi penguasaan bahasa Melayu. | - | - | 6 7.5% | 20 25% | 54 67.5% | 4.63 | 0.624 | Tinggi |
| B9 | Saya berbincang dengan rakan berkenaan dengan bahasa Melayu. | - | - | 6 7.5% | 24 30% | 50 62.5% | 4.58 | 0.632 | Tinggi |
| B10 | Saya berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri dalam berbahasa Melayu. | - | - | - | 16 20% | 64 80% | 4.80 | 0.403 | Tinggi |
| Purata | | | | | | | 4.688 | 0.52 | Tinggi |

| Faktor Penguasaan Guru Pelatih Bahasa Kedua | | Bilangan dan Peratusan | | | | | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Skor |
|---|---|------------------------|----------|-----------|-------------|-------------|------|----------------|-------------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | | | |
| Faktor Persekitaran | | | | | | | | | |
| B11 | Saya menggunakan bahasa Melayu ketika bertutur dengan orang sekeliling. | - | - | 6 7.5% | 24 30% | 50 62.5% | 4.60 | 0.587 | Tinggi |
| B12 | Saya dikelilingi dengan persekitaran masyarakat Melayu. | 6 7.5% | 8 10% | 12 15% | 18 22.5% | 36 45% | 3.95 | 1.272 | Tinggi |
| B13 | Saya ingin mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua saya. | - | - | 4 5% | 10 12.5% | 66 82.5% | 4.78 | 0.527 | Tinggi |
| B14 | Saya selesa menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi seharian. | - | - | 6 7.5% | 14 17.5% | 60 75% | 4.68 | 0.612 | Tinggi |
| B15 | Saya mempunyai ramai kawan yang berbangsa Melayu. | - | - | 12 15% | 14 17.5% | 54 65.5% | 4.55 | 0.745 | Tinggi |
| Purata | | | | | | | 4.51 | 0.749 | Tinggi |

Objektif 3: Hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai tatabahasa Bahasa Melayu

H₁¹: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan motivasi guru pelatih bahasa kedua.

Jadual 11 Hubungan antara faktor sikap dengan motivasi

| | | Faktor Motivasi |
|--------------|----------------------|-----------------|
| Faktor Sikap | Kolerasi Pearson (r) | 0.649* |
| | Signifikan (p) | 0.000 |

*Signifikan pada aras 0.01

Berdasarkan Jadual 11, terdapat hubungan yang positif antara faktor sikap dengan motivasi guru pelatih bahasa kedua dengan aras signifikan yang bernilai 0.000. Hubungan antara faktor sikap dengan motivasi adalah kuat dengan nilai korelasi *Pearson* 0.649.

H₁²: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua.

Jadual 12 Hubungan antara faktor sikap dengan persekitaran

| | | Faktor Persekitaran |
|--------------|----------------------|---------------------|
| Faktor Sikap | Kolerasi Pearson (r) | 0.406* |
| | Signifikan (p) | 0.009 |

*Signifikan pada aras 0.01

Seterusnya berdasarkan Jadual 12, terdapat hubungan yang positif antara faktor sikap dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dengan aras signifikan bernilai 0.009. Korelasi Pearson yang bernilai 0.406 menunjukkan bahawa hubungan antara faktor sikap dengan motivasi adalah sederhana.

H₁³: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua.

Jadual 13 Hubungan antara faktor motivasi dengan persekitaran

| | | Faktor Persekitaran |
|-----------------|----------------------|---------------------|
| Faktor Motivasi | Kolerasi Pearson (r) | 0.428* |
| | Signifikan (p) | 0.006 |

*Signifikan pada aras 0.01

Di samping itu dalam Jadual 13, terdapat hubungan yang positif antara faktor motivasi dengan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dengan aras signifikannya bernilai 0.006. Hubungan antara faktor motivasi dengan persekitaran adalah sederhana dengan nilai korelasi *Pearson* 0.428. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga hipotesis diterima.

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini akan merumuskan dapatan kajian yang telah dianalisis dengan mengaitkan kajian terdahulu berdasarkan tiga objektif kajian, iaitu (i) mengenal pasti tahap penguasaan guru pelatih bahasa kedua dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu, (ii) menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua (iii) mengenal pasti hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai bahasa Melayu.

Tahap penguasaan tatabahasa Bahasa Melayu guru pelatih bahasa kedua

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua berada pada tahap yang sangat baik. Guru pelatih juga merupakan individu yang tidak pernah lepas daripada melakukan kesilapan tatabahasa seperti yang dilakukan oleh pengguna bahasa yang lain.

Kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh guru pelatih bahasa kedua hanya tertumpu kepada kesalahan aspek frasa manakala aspek ejaan dan ayat pula masih berada pada tahap penguasaan yang baik. Kesalahan bagi aspek frasa bukan sahaja dilakukan oleh guru pelatih malah lazim dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu yang lain. Kesalahan ini boleh disebabkan oleh kecuaiian atau kekeliruan sehingga tidak dapat menjawab soalan tersebut dengan betul. Hasil kajian ini justeru disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Preeyanuch Promsupa, Patchara Varasarin dan Prapart Brudhiprabha (2017) yang mendapati bahawa pelajar banyak melakukan kesilapan dalam aspek morfologi berbanding dengan aspek sintaksis terutamanya yang melibatkan aspek ayat.

Kesalahan tatabahasa sama ada melibatkan aspek morfologi mahupun sintaksis selalunya dikaitkan dengan kecuaiian responden yang tidak menganalisis kesalahan tersebut dengan betul walaupun soalan yang dikemukakan merupakan soalan yang mudah. Hal ini justeru dapat dikaitkan dengan faktor kecuaiian iaitu pengguna bahasa yang tidak berhati-berhati dan tidak teliti ketika menggunakan bahasa. Tambahan pula, pengaruh bahasa ibunda yang sangat kuat dalam diri menyebabkan responden cenderung terbawa-bawa peraturan dalam sistem bahasa pertama ke dalam penguasaan dan pembelajaran bahasa kedua (Nor Zulaiqha Rosli *et al.* 2021). Oleh itu, kesalahan tatabahasa yang dilakukan dalam kalangan pengguna bahasa bukanlah disebabkan oleh penguasaan tatabahasa yang lemah semata-mata namun kecuaiian dan pengaruh bahasa ibunda boleh membawa kepada berlakunya kesalahan tatabahasa ini.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang mendapati bahawa masih ada pengguna bahasa yang tidak menguasai tatabahasa bahasa Melayu dengan sangat baik. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Siti Khodijah Che Mee (2020). Berdasarkan hasil kajian tersebut, tahap penguasaan pelajar tahun akhir didapati masih berada dalam tahap yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan pelajar dapat menguasai penggunaan bahasa dengan baik tetapi tidak menguasai jenis kata, frasa, klausa, dan ayat. Oleh itu, pengguna bahasa haruslah sentiasa peka dengan perkembangan bahasa Melayu apatah lagi sifat bahasa itu sendiri adalah dinamik. Sekiranya kesalahan tatabahasa yang dilakukan ini tidak dikenal pasti dan diperbaiki maka kesalahan yang dilakukan ini akan berterusan. Guru pelatih tidak sepatutnya memandang rendah terhadap kesalahan tatabahasa yang dilakukan kerana hal ini akan mempengaruhi tahap penguasaan murid dalam subjek bahasa Melayu bahkan profesionalisme sebagai seorang guru.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua

Berdasarkan analisis data yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bahasa kedua merupakan faktor sikap. Hal ini bermakna guru pelatih bahasa kedua bersikap positif apabila menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Nancy Ngumbang dan Zamri Mahamod (2017) yang mendapati bahawa murid Melanau menunjukkan sikap yang positif dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Namun begitu, kajian Saraswathy Pormalu *et al.* (2017) menunjukkan bahawa sebahagian pelajar sekolah Tamil mempunyai sikap yang negatif dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana menganggap bahasa Melayu merupakan subjek yang tidak menyeronokkan.

Selain faktor sikap, guru pelatih bahasa kedua juga bermotivasi tinggi dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hasil kajian ini disokong oleh kajian Khairul Nizam dan Wan Muna Wan

Ruzanna (2017) yang menyatakan bahawa murid Bajau mempunyai motivasi yang tinggi dan memberangsangkan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Walau bagaimanapun, kajian Plycia Exshonna Mat dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023) mendapati bahawa murid tidak bermotivasi untuk menguasai bahasa Melayu kerana penguasaan bahasa Melayu hanyalah bertujuan untuk lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bukan itu sahaja, murid menyatakan bahawa kemahiran bahasa Melayu kurang dititikberatkan dalam sektor pekerjaan dan ibu bapa kurang memberi penekanan terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Faktor persekitaran pula mempunyai purata skor min yang rendah jika dibandingkan dengan konstruk faktor sikap dan motivasi. Walau bagaimanapun, faktor persekitaran ini masih menunjukkan nilai skor min yang tinggi. Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2017) yang menyatakan bahawa faktor persekitaran merupakan antara faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai tatabahasa Bahasa Melayu

Berdasarkan analisis data yang diperoleh, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam menguasai bahasa Melayu. Buktinya, aras signifikan bagi ketiga-tiga faktor ini adalah kurang daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Bukan itu sahaja, ketiga-tiga faktor tersebut juga didapati mempunyai hubungan yang positif. Hubungan antara faktor sikap dengan motivasi adalah kuat manakala hubungan antara faktor sikap dengan persekitaran dan faktor motivasi dengan persekitaran pula mempunyai hubungan yang sederhana. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga hipotesis yang dinyatakan sebelum ini diterima.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melakukan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan lagi penguasaan serta kecekapan guru untuk mengajar mata pelajaran ini. Antara perkara yang boleh dilaksanakan oleh pihak KPM adalah menyediakan kursus yang berkaitan dengan bidang pendidikan kepada semua guru termasuklah guru pelatih. Hal ini amatlah penting bagi memastikan guru yang dilahirkan merupakan guru yang berkualiti dan berpengetahuan. Oleh itu, KPM haruslah mengambil bahagian bagi meningkatkan penguasaan guru pelatih bahasa kedua dalam bahasa Melayu selain memastikan guru yang dihasilkan berkualiti dan mempunyai sijil kelayakan yang diiktiraf.

Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu haruslah diberi perhatian bukan sahaja kepada guru pelatih bahasa kedua malah guru pelatih bahasa pertama. Hal ini dikatakan demikian kerana guru pelatih yang fasih berbahasa Melayu tidak semestinya mempunyai penguasaan yang baik terhadap aspek tatabahasa. Sekiranya tahap penguasaan guru pelatih dapat dikenal pasti dengan lebih awal, penguasaan guru pelatih dalam bahasa Melayu dapat ditambah baik. Selain guru pelatih, guru-guru di sekolah juga dapat memperbaiki dan menambah baik pengajaran berdasarkan penguasaan bahasa Melayu guru pelatih bahasa kedua yang terlibat dalam kajian ini. Guru haruslah cakna dengan kesalahan tatabahasa yang dilakukan

oleh guru pelatih dalam kajian ini dan mengaplikasikannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran agar kesalahan tersebut tidak dilakukan oleh murid.

Kajian yang dilaksanakan ini juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Penguasaan guru bahasa Melayu dalam aspek tatabahasa akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar terhadap terhadap subjek tersebut. Sekiranya guru mempunyai penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang baik, sudah tentu pelajar juga dapat menerima impak dan manfaatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya ilmu tatabahasa yang diterima oleh pelajar itu diajar oleh guru yang berpengetahuan tinggi dalam bidang tatabahasa bahasa Melayu maka pelajar juga secara tidak langsung mempunyai penguasaan yang baik dalam subjek tersebut.

Sebagai rakyat Malaysia yang juga merupakan pengguna bahasa Melayu, penguasaan bahasa Melayu haruslah diberi perhatian yang lebih apatah lagi bahasa ini merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia. Penguasaan bahasa Melayu khususnya aspek tatabahasa haruslah dikuasai dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu di sekolah bukan setakat untuk memenuhi syarat lulus dalam peperiksaan bahasa Melayu malah penguasaan tatabahasa juga penting dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu bukan sahaja penting dalam bidang pendidikan bahkan dalam bidang pentadbiran, kehakiman, ekonomi, pengiklanan, surat-menyurat dan sebagainya. Masyarakat haruslah didedahkan tentang betapa pentingnya penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang betul agar tidak mencemarkan bahasa sekali gus memartabatkan bahasa kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Kesimpulannya, penguasaan bahasa Melayu bagi guru pelatih bahasa kedua dapat dikaitkan dengan faktor sikap, motivasi dan persekitaran. Tahap penguasaan guru pelatih dalam tatabahasa bahasa Melayu berada pada tahap yang baik meskipun bahasa Melayu bukanlah bahasa ibunda responden. Penguasaan seseorang terhadap tatabahasa bahasa Melayu tidak boleh dibezakan mengikut bangsa kerana tahap penguasaan penutur bahasa kedua ada kalanya lebih baik daripada penutur bahasa pertama. Oleh itu, kajian tentang tahap penguasaan bahasa Melayu guru pelatih haruslah giat dijalankan sama ada melibatkan bahasa pertama mahupun bahasa kedua agar setiap pihak mendapat manfaat daripada kajian ini sehingga dapat menambah baik penguasaan dalam tatabahasa bahasa Melayu.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UTM MyLinE Administrator yang memberi peluang kepada para penulis untuk mengakses portal dan bahan yang berkaitan dengan skop kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmed Hafizainol Ahmed Adris & Karim Harun. (2020). Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu*, 457-477.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zaitol Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.

- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 78-84.
- Hazrul Affendi Mohmad Razali *et al.* (2016). Lima tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 5, 179-208.
- Jamayah Bujang & Fariza Khalid. (2019). Penguasaan morfologi bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Melayu Sarawak. In: *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia, 172-184.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 24-33.
- M. Kaviza. (2019). Korelasi antara motivasi intrinsik dengan pencapaian subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(8), 1-10.
- Manonmani Devi, Ani Omar & S. Veeralakshmi. (2017). Penguasaan dan persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran Tatabahasa Punarcci. *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1), 141-146.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nancy Ngumbang & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58.
- Nazri Muslim & Ootong Rosadi. (2021). Peranan bahasa dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia dan Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 79-89.
- Nik Safiah Karim. *et al.* (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan teori kesalahan bahasa. *LSP International Journal*, 7(1), 39-59.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1), 35-55.
- Plycia Exshonna Mat & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Kesalahan bahasa dalam penulisan karangan murid etnik minoriti. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 88-97.
- Preeyanuch Promsupa, Patchara Varasarin & Prapart Brudhiprabha. (2017). An analysis of grammatical errors in English writing of Thai university students. *HRD Journal*, 8(1), 93-104.
- Saraswathy Pormalu *et al.* (2017). Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5(1), 45-55.
- Uma Sekaran & Roger Bougie. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. 7th Edition. United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Siti Khodijah Che Mee. (2020). Penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 59-73.

- Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari. (2020). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dari aspek morfologi dalam penulisan karangan murid sekolah rendah. *AL-QIYAM: International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 77-89.
- Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari. (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 1-10.
- Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86-106.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2018). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4(1), 28-35.